

KOSMO! SELASA 16 JANUARI 2018

NEGARA! 9

Cuba ubah pendirian EU yang memboikot minyak sawit pada ICA di Brussels

Angkasa bantu industri sawit

Oleh NUR EMIRA SAIZALI

KUALA LUMPUR — Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) akan menyertai Mesyuarat Lembaga International Co-Operative Alliance (ICA) di Brussels, Belgium bagi menyelesaikan isu Kempen AntiMinyak Sawit yang bermula hari ini hingga 19 Januari depan.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, usaha itu merupakan salah satu cara desakan terhadap negara-negara Kesatuan Eropah (EU) yang mem-

boikot minyak sawit secara serius sebelum ini.

Abdul Fattah berkata, isu yang dikhuatiri boleh menjelaskan pendapatan para pengeluar minyak sawit negara itu akan dibentangkan oleh Naib Presiden Angkasa dan juga merangkap Ahli Lembaga ICA Global, Datuk Kamarudin Ismail.

"Penglibatan Angkasa ini juga diharap dapat membantu industri minyak sawit terus bergerak dan tiada halangan lagi untuk menjual bahan mentah itu ke mana-mana sahaja.

"Justeru, diharapkan suara kami dapat mengubah keputusan nega-

ra-negara EU, sekali gus berupaya menyelamatkan industri sawit negara," katanya pada sidang akhbar Kempen AntiMinyak Sawit di Wisma Ungku A. Aziz, Petaling Jaya di sini semalam.

Turut serta pada mesyuarat tersebut ialah 10 buah negara pengeluar minyak sawit dunia seperti Honduras, Nigeria, Thailand dan Indonesia.

Sebelum ini, media melaporkan, EU telah mencadangkan agar minyak sawit Malaysia disekat daripada terus diimport atas alasan ia boleh menjelaskan kesihatan dan mencemarkan kelestarian alam.



ABDUL FATTAH (tengah) bercakap mengenai peranan Angkasa pada ICA di Brussels, Belgium berkenaan Kempen AntiMinyak Sawit di Wisma Ungku A. Aziz, Kelana Jaya semalam.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia